

Kaji keperluan operasi CIQ BSAB selama 24 jam

JOHOR BAHRU - Jabatan Imigresen Johor akan mengkaji keperluan operasi di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Abu Bakar (BSAB), Gelang Patah susulan pembukaan sempadan Malaysia-Singapura semalam.

Pengarah Imigresen Johor, Baharuddin Tahir berkata, ketika ini CIQ BSAB yang menghubungkan CIQ di Tuas, Singapura beroperasi 24 jam sehari untuk kemudahan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA).

“Saya akan meninjau pelaksanaan (RGL dan PCA) dalam tempoh tiga hari ini, jika sambutan berkurangan selepas jam 7 malam saya akan cadangkan kepada kerajaan supaya waktu operasinya hanya dari jam 7 pagi hingga 7 malam.

“Kita akan ikut waktu operasi seperti di CIQ Bangunan Sultan Iskandar



Ujian saringan Covid-19 termasuk ujian swab dilakukan di CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru semalam.

(BSI) di sini iaitu dari jam 7 pagi hingga 7 malam,” katanya.

Baharuddin berkata, menerusi pemantauan itu, segala kelemahan dan kemudahan yang diperlukan akan ditambah baik.

Menurutnya, kuota kemasukan RGL dan PCA bermula semalam hingga 21 Ogos sudah penuh manakala untuk kenderaan tiada had termasuk lori tempatan yang masuk ke republik tersebut.